

TRANSFORMASI LPP

Lahir Peladang Progresif

Edisi 2/2016



Meremajakan Peladang





EDITORIAL

Penaung

Dato' Haji Mohd Salim bin Haji Taha

Penasihat

Mohd Naser bin Harun
Hamzah bin Haji Bahari

Ketua Pengarang

Haji Mohd Rashid bin Awang

Penyunting

Rosli bin Yaakub
Norsidah binti Haji Mohd Nor

Edisi Internet

Mohd Asyraf bin Mohd Fauzi
Shuwib bin Ab. Karim

Grafik

Azizan bin Othman
Kamaruzzan bin Hanif

Jurufoto

Muhammad Afiq bin Azman

Diterbitkan oleh :

Lembaga Pertubuhan Peladang
No. 20, Menara LPP,
Jalan Sultan Salahuddin,
50480 Kuala Lumpur.

Edaran

Nik Mazri bin Mat Yusof
Mohd Haniff bin Asim@Hasyim
Shafrin Azhar bin Abd. Ghani

Transformasi LPP Elektronik boleh dilayari

<http://www.lpp.gov.my>

Rekabentuk dan cetakan oleh:

Giga Wise Network Sdn Bhd
Tel: 03-5191 1115
www.gigaprint2u.com



0409



06

KANDUNGAN

04 MEREMAJAKAN PERTUBUHAN PELADANG MEMPERCEPATKAN PROSES TRANSFORMASI SEKTOR PERTANIAN

06 FeLeSe CIPTAAN BERNILAI

08 PPHP TAWAU TUMPUAN RAMAI

12 DARIPADA BIDANG PROFESSIONAL KE BIDANG TANAMAN CENDAWAN

14 INOVASI MENDEPANI BIDANG KEJENTERAAN - PPNJ PULAU PINANG

17 HALA TUJU INDUSTRI CENDAWAN DI MALAYSIA



12



MEREMAJAKAN PERTUBUHAN PELADANG

MEMPERCEPATKAN PROSES TRANSFORMASI
SEKTOR PERTANIAN

Oleh : Rosli Bin Yaakub

Program Meremajakan Pertubuhan Peladang (PP) adalah cetusan idea Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani yang mahukan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (MOA) diberi satu imej baru dari segi kekuatan dan keterampilan dalam keberkesanan penyampaian dasar-dasar kerajaan khususnya dalam usaha memajukan bidang pertanian.

Susulan itu Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) telah membentangkan Kertas Dasar Meremajakan Pertubuhan Peladang kepada Ahli Lembaga LPP pada 18 Februari 2011.

Manakala Program Meremajakan PP melalui penubuhan Kor Tani Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah disempurnakan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 22 April 2014.

Dalam Plan Korporat LPP ke-6 (2016 – 2020) yang dilancarkan pada 29 September 2016 telah dimasukkan dalam 'Strategik Teras 4: Meremajakan Pertubuhan Peladang'.

Maksud meremajakan PP adalah menggalakkan penyertaan remaja 40 tahun ke bawah melibatkan diri dalam sektor pertanian seiring dalam menjadikan remaja peneraju kemajuan sektor pertanian di masa hadapan. Meningkatkan jatidiri, kesukarelaan dan semangat cintakan negara di kalangan remaja dan bertindak sebagai agen penerangan kepada rakyat mengenai peranan kementerian dan kerajaan ke arah pembangunan pertanian.

Mengapakah PP perlu diremajakan? Pada masa ini keahlian PP 85 peratus berusia 55 tahun ke atas manakala penglibatan belia bawah 40 tahun di PP cuma 15 peratus.

Selain dari itu, kumpulan belia perlu dipertingkatkan ilmu dalam bidang pertanian bagi persiapan ketahap usahawan peladang. Belia-belie juga perlu dipersiapkan untuk mereka menjadi pemimpin pelapis di PP di masa akan datang.

Selain itu, persiapan juga perlu dikemaskan bagi menyediakan belia bertindak sebagai sukarelawan ketika berlaku bencana alam dalam negara.

LPP dalam persiapan membuat rangka kerja (*frame work*) bagi meremajakan PP telah memulakan gerak langkah seawal remaja di Kelab Pertanian Sekolah, diikuti Kor Tani, My Agrosis dan Agropreneur Muda.

Pada peringkat sekolah ini penglibatan remaja dipupuk bagi membina minat dan kemahiran diusia muda dengan mengadakan program di peringkat sekolah melalui penubuhan Kelab Pertanian Sekolah terpilih. Sekolah-sekolah ini akan di pantau oleh PP terdekat.

Selepas peringkat sekolah belia ini akan meneruskan penyertaan mereka dengan mempergiatkan usaha-usaha yang telah diasaskan tadi melalui MyAgrosis di IPT.

Apabila remaja ini telah serius menceburkan diri dalam bidang pertanian mereka boleh memperkukuhkan aktiviti melalui program Kor Tani dan membina keusahawanan mereka melalui Program Usahawan Muda di bawah program Tabung Pembangunan Usahawan Peladang (TPUP).

PP juga perlu terlibat aktif membimbing usahawan muda ini menggarap cita-cita dengan menyediakan aktiviti yang sesuai dengan aspirasi Gen-Y seperti Sukan Peladang dan eksplorasi pertanian. LPP pula akan mewujudkan Ikon Belia yang boleh dijadikan contoh dan aspirasi kepada mereka.

Bagi golongan Peladang Nita tidak akan ditinggalkan. Mereka juga akan dilibatkan dalam semua program yang di rancang oleh LPP dan PP. Membangunkan inovasi dan teknologi yang mampu meningkatkan pendapatan dan efisiensi.

Penglibatan golongan muda ini dalam pergerakan PP dapat membantu mempercepatkan proses transformasi sektor pertanian ke arah peningkatan kuantiti dan produktiviti pertanian serta mengurangkan pergantungan bahan makanan dari negara luar.

Penyegaran di dalam industri pertanian melalui penglibatan golongan muda yang lebih dinamik, agresif serta berwawasan dapat meningkatkan hasil dan produktiviti yang lebih tinggi.





'FeLeSe'

CIPTAAN BERNILAI

Oleh : Norsidah binti Haji Mohd Nor

Perkataan 'FeLeSe' terhasil dari tiga aktiviti pertanian dijalankan oleh sebuah jentera yang diinovasikan oleh Pertubuhan Peladang Jentera Negeri (PPN) Pulau Pinang. Perkataan 'Fe' adalah singkatan kepada *Fertilizer Application*, 'Le' singkatan kepada *Field Levelling* dan 'Se' pula merupakan singkatan kepada *Row Seeding*. Pembangunan inovasi 'FeLeSe' merupakan pelengkap kepada kaedah penanaman secara terus bagi tanaman padi.

Objektif inovasi ini adalah untuk meningkatkan kadar pertumbuhan dan kesuburan benih padi (membaja pada waktu yang tepat), berbanding kaedah sedia ada serta dapat mengurangkan masa, kos pengeluaran dan guna tenaga.

Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada benih tidak tumbuh semasa proses penanaman. Antaranya adalah kadar kedalaman benih masuk ke dalam tanah sangat penting untuk pertumbuhan dan penapakan anak padi. Selain itu, teknik taburan terus boleh menyebabkan pertumbuhan anak pokok padi menjadi sangat lemah disebabkan kekurangan cahaya matahari apabila biji benih diselaputi tanah. Seterusnya, kaedah menabur biji benih secara manual atau mesin penyembur pada tanah yang lembut akan menyebabkan biji benih pracambah terbenam jauh ke dalam tanah dan mati.

Justeru, beberapa kelebihan 'FeLeSe' telah memberi kemudahan kepada petani yang mengendalikan jentera ini dan dalam masa yang sama dapat menangani permasalahan yang dihadapi oleh petani sewaktu proses penanaman padi.

Kelebihan 'FeLeSe' ini antaranya memberi kemudahan terhadap kerja-kerja menyemai benih padi apabila ia dapat dilakukan serentak dengan perataan dan proses membaja. Selain itu, jentera ini juga dapat menjimatkan masa dan kos buruh yang berfungsi 3 dalam 1. Tahap kerataan sawah juga melebihi 95% dan seterusnya membantu dalam memberi keseragaman bagi taburan benih padi dan baja. Kesannya, tiada pembaziran baja dan benih padi berlaku.

Melalui penggunaan jentera ini juga, peratus pertumbuhan benih adalah lebih baik berbanding kaedah tabur terus secara manual atau 'blower'

kerana benih padi berada di permukaan sawah. Kesannya, benih padi akan mendapat bekalan baja dengan segera selepas penapakan benih. Kedudukan baja yang berada tepat di bawah benih padi dapat mempercepatkan dan menggalakkan pertumbuhan akar padi. Seterusnya, pokok padi akan menjadi lebih teguh dengan akar yang banyak dan panjang.

Penggunaan 'FeLeSe' ini akan memberi manfaat jangka panjang dengan peningkatan hasil tanaman padi. Seterusnya, golongan petani turut menerima tempias apabila pendapatan yang diperolehi meningkat. 'FeLeSe' juga dapat mewujudkan nilai tambah dengan mempelbagaikan aktiviti traktor. Justeru, melalui kelebihan ini para pengusaha jentera dapat menambah pendapatan yang diperolehi sedia ada.

Ciptaan 'FeLeSe' ini telah menerima beberapa penganugerahan tertinggi yang merupakan pencapaian membanggakan PPN Jentera Pulau Pinang khususnya dan Lembaga Pertubuhan Peladang amnya.

Penganugerahan yang diterima antaranya adalah, Gold Award International Invention and Innovation Exhibition (ITEX) yang berlangsung selama tiga hari dari 12 hingga 14 Mei 2016 di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Kejayaan seterusnya adalah memenangi Gold Medal World Invention Innovation Contest pada 5 hingga 6 Jun 2016 yang lalu di Seoul, Korea. Nyata, 'FeLeSe' merupakan idea inovasi yang bernilai!



PPHP TAWAU TUMPUAN RAMAI

Oleh : Mohd Hafizan Bin Ismail

Aktif... Itu kata yang dapat diberikan apabila melihat aktiviti perniagaan yang dijalankan. Berada di lokasi strategik, Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian (PPHP) PPK Tawau, Sabah ini menjadi pilihan ramai terutama masyarakat sekitar untuk mendapatkan produk segar harian. Ianya terletak di Batu 14 Jalan Apas iaitu di tepi jalan utama yang menghubungkan antara Bandar Tawau dan Kunak/Semporna. Banyak hasil ladang boleh didapati di sini seperti pisang, labu, tembikai, dan pelbagai jenis sayur-sayuran yang dibekalkan secara terus dari ladang. Produk industri asas tani dari usahawan tempatan juga boleh didapati. Dengan adanya PPHP ini, para peladang terutama ahli-ahli PPK disediakan lot-lot kedai untuk memasarkan sendiri hasil ladang mereka tanpa pembabitan orang tengah. Jadi tidak hairanlah harga barang yang dijual di sini amat berpatutan sesuai bagi mereka yang mahu jimat berbelanja.

Selain hasil ladang, PPHP Tawau juga menempatkan kedai input pertanian, kedai runcit dan gerai makan. PPHP ini juga terpilih untuk dijadikan Pusat Pengedaran MyBeras bagi kawasan Parlimen Tawau. Ringkasnya, usaha Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) mewujudkan PPHP Tawau boleh dilihat sebagai serampang dua mata yang mana ia turut berperanan sebagai pusat sehati yang menawarkan pelbagai perkhidmatan untuk kemudahan masyarakat setempat disamping menjadi pelengkap rantaian nilai pengeluaran.

Pembukaan rasmi PPHP ini disempurnakan oleh mantan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Y.B. Dato' Seri Ismail Sabri Bin Yaakob pada 11 April 2015. Sejak dari pembukaannya banyak program berunsur ekonomi dan kemasyarakatan diatur oleh pihak PPK Tawau untuk menarik tumpuan orang ramai mengunjunginya. Antaranya Program Jimat Belanja Dapur, Program Ayok Makan Ubi Kayu, Jom Makan Tembikai, Kempen Ayok Derma Darah, Pertandingan Mewarna dan sebagainya.



KEDAI INPUT PERTANIAN
MENJUAL BAJA, INPUT DAN PERALATAN PERTANIAN
TEL : 089 - 766004



PPHP Tawau sering mendapat kunjungan ramai. Baru-baru ini satu lawatan kerja diterima daripada delegasi Ahli-ahli Mesyuarat Majlis Penasihat Penasihat Peladang (MPP) LPP bersempena Mesyuarat MPP LPP kali ke-66 yang diadakan di sini. Lawatan yang diketuai oleh Pengerusi LPP, YBhg. Tan Sri Dato' Haji Zainal Bin Dahalan turut disertai Ketua Pengarah LPP, YBhg. Dato' Haji Mohd Salim Bin Haji Taha, Timbalan Ketua Pengarah LPP, En. Hamzah Bin Haji Bahari dan Pengarah Bahagian Peembangunan Modal Insan, Pn. Hajah Norlizah Binti Muhamad. Ketibaan rombongan disambut mesra oleh Pengerusi AJP PPK Tawau, En. Hamid Bin Hj. Awang dan Pengurus PPK, En. Jailani Bin Asis. Peserta dibawa melawat ke setiap lot gerai bagi melihat sendiri potensi PPHP Tawau yang boleh dijadikan model kejayaan kepada PPHP yang lain.

Kesimpulannya, inisiatif pengwujudan PPHP Tawau oleh LPP ini amat dirasai manfaatnya, kepada para peladang dan bertindak sebagai medium pemasaran langsung. Manakala masyarakat setempat pula boleh mendapatkan hasil pertanian segar dengan harga terendah.



1...2...3...tarik!!



3..2..1..and action!



Berjabat tangan sebelum memulakan pertandingan



Haril Pendaftaran



Masing-masing bertahan untuk menang!

Program Kecemerlangan Anggota LPP 2016



Penat berlari.. tapi tetap cool



Permainan Tradisi Sepak Takraw



Peserta Dart yang sedang bertanding



Sebahagian dari Urus Setia yang menjayakan program



Sebahagian Kontijen bergambar kenangan bersama Pengurusan Tertinggi LPP



Team Bola Jaring sedang merebut tempat untuk ke peringkat seterusnya



Team Tarik Tali



Wakil Beregu Badminton dari LPP Kuala Lumpur sedang beraksi!



Bukan mudah untuk bermain takraw..kena ada seni



Fokus diberikan sepenuhnya..



Fokus untuk menang!



Kak Lin you can do it!



Kejohanan Golf VIP



Masih ada peluang mengejar mata..



Pasukan Congkak sedang bersaing sambil diperhatikan oleh YBhg. Dato'



Pasukan Ping Pong Campuran sedang beraksi



Peluang Para Kontijan untuk bergambar kenangan bersama Pengurusan Tertinggi LPP



Peserta Larian Trek



Peserta Tarik Tali yang cukup bersemangat



Peserta yang sedang mendaftar



Team Bola Jaring..bertahan..bertahan..



Team Futsal Veteran sedang beraksi



Team Futsal Veteran bergambar kenangan sebelum memulakan perlawanan



YBhg. Dato' bergambar bersama Pasukan Bola Tampar NAFAS





DARIPADA BIDANG PROFESSIONAL KE **BIDANG TANAMAN CENDAWAN**

Oleh : Mohd Asyraf Bin Mohd Fauzi

Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan terutama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersama agensi yang terlibat dalam menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian. Di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tangkak, Johor usaha telah dilakukan dalam melahirkan usahawan muda dibawah bidang pertanian. Salah seorang usahawan yang berjaya dibimbing oleh PPK Tangkak adalah Puan Nurul Hakimi Binti Shaari berumur 36 tahun telah menjalankan perusahaan tanaman cendawan.

Puan Nurul Hakimi Binti Shaari merupakan pemegang Sarjana Pentadbiran Perniagaan, Ijazah Pengurusan Teknologi Kewangan. Sebelum menceburi bidang pertanian ini, beliau pernah bekerja disalah sebuah syarikat kewangan di Malaysia selama 5 tahun. Beliau memilih untuk melibatkan diri di dalam bidang pertanian apabila mula berhijrah ke Tangkak ketika sedang di peringkat

Sarjana. Semasa menyambung pelajaran tersebut, beliau mula menceburi bidang tanaman cendawan yang diusahakan bersama suami. Keputusan ini didorong oleh kesesuaian tanaman cendawan untuk diusahakan di kawasan Tangkak, kerana mempunyai pasaran yang baik. Melalui perniagaan ini, pendapatan beliau telah meningkat daripada RM4,300 kepada RM6,000.

Beliau berpendapat bidang tanaman cendawan ini merupakan salah satu cabang perniagaan yang baik terutamanya bagi usahawan muda kerana ia melibatkan pelbagai aspek pengurusan seperti mencari modal sehinggalah mengembangkan perniagaan. Tambahan lagi, tanaman cendawan ini mampu berkembang dengan pesat terutama bagi usahawan bumiputera kerana tidak ramai usahawan bumiputera yang menceburi dalam bidang tanaman cendawan ini. Pada permulaan beliau menjalankan perniagaan tanaman cendawan dengan skala yang kecil. Langkah-langkah strategik dalam pemasaran telah diambil dan dikaji bagi mengembangkan perniagaan beliau, sehingga kini beliau telah membekalkan cendawan kepada MYDIN selama 5 tahun.

Beliau juga berharap beliau di Malaysia menceburi bidang usahawan. Peluang di dalam usahawantani sangat cerah pada masa sekarang kerana pelbagai kemudahan telah disediakan seperti latihan dan maklumat iaitu usahawan didedahkan ilmu cara memulakan serta mengembangkan perniagaan.

Pada permulaan beliau menjalankan perniagaan tanaman cendawan dengan skala yang kecil. Langkah-langkah strategik dalam pemasaran telah diambil dan dikaji bagi mengembangkan perniagaan beliau, sehingga kini beliau telah membekalkan cendawan kepada MYDIN selama 5 tahun.

Terdapat bantuan pinjaman yang disediakan untuk membantu usahawan muda yang disediakan oleh pihak kerajaan. Usahawan juga dibantu dengan maklumat-maklumat di dalam internet. Bidang usahawantani ini juga adalah fleksibel dimana boleh merancang mengikut kehendak usahawan, ia juga memberi pulangan yang amat lumayan.





INOVASI MENDEPANI BIDANG KEJENTERAAN

– PPNJ Pulau Pinang

Oleh : Norsidah Binti Haji Mohd Nor

Melalui Dasar ‘Pelan Mekanisasi dan Automasi Pertanian Negara’, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) berperanan menyediakan perkhidmatan kejenteraan ladang kepada penanam padi sekurang-kurangnya 40 peratus penguasaan dari keseluruhan perkhidmatan yang diperlukan bagi sawah di seluruh Malaysia. Sehingga kini, 20 buah Pertubuhan Peladang Jentera Negeri (PPNJ) telah beroperasi termasuk 2 buah PPNJ yang baru ditubuhkan pada tahun 2015 iaitu masing-masing di Langkawi dan Keningau.

Pada 19 Julai yang lalu, YB Dato’ Sri Ahmad Shabery Bin Cheek, Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani telah mengadakan lawatan ke Pusat Kecemerlangan Kejenteraan Ladang Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang.

Lawatan YB Menteri ke Pusat Kecemerlangan Kejenteraan Ladang ini adalah bagi mengenalpasti peranan PPNJ Pulau Pinang dalam memberi perkhidmatan kejenteraan kepada penanam padi sekitarnya. Terkini, perkhidmatan kejenteraan yang dilaksanakan melibatkan 7 buah Pertubuhan Peladang. Keluasan tanah pertanian yang diusahakan dengan menggunakan perkhidmatan kejenteraan terbahagi kepada dua iaitu kawasan membajak dan penuaian padi dengan keluasan masing-masing sebanyak 4,402 hektar dan 5,515 hektar.

Sehingga kini pencapaian perkhidmatan kejenteraan PPNJ Pulau Pinang adalah 45%. Bilangan perkhidmatan kejenteraan yang ditawarkan oleh PPNJ Pulau Pinang telah menjadi faktor kepada pencapaian ini. Berikut adalah jenis jentera pertanian dan bilangan yang ditawarkan oleh PPNJ Pulau Pinang kepada para petani.

BIL	JENIS JENTERA PERTANIAN	UNIT
1	Traktor	62
2	Jentuai	31
3	Lori	3
4	Low Loader	1
5	Rotovator	45
6	Back Bucket	5
7	Lime Sower	13
8	Box Leveller	17

Impak positif dapat dilihat daripada perkhidmatan kejenteraan yang ditawarkan oleh PPNJ Pulau Pinang ini. Berikut adalah jadual penerimaan perkhidmatan ladang oleh PPNJ.

PENERIMAAN PERKHIDMATAN LADANG OLEH PPNJ PULAU PINANG

Pembajakan Traktor	Keluasan : 4,402 Hektar	Bil. Petani : 6,533
Perataan Box Leveller	Keluasan : 1,000 Hektar	Bil. Petani : 1,067
Batas Plastering Machine	Keluasan : 1,000 Hektar	Bil. Petani : 1,067
Pengapuran Lime Sower	Keluasan : 1,765.5 Hektar	Bil. Petani : 3,092
Penuaian Jentuai	Keluasan : 5,515 Hektar	Bil. Petani : 6,214

Inovasi yang dijalankan ke atas jentera pertanian telah memberi pelbagai manfaat dan kelebihan kepada para petani.



Box Leveller

- Bekalan air sama rata
- Menjimatkan masa - mempercepatkan kerja 7.5ha/hari berbanding power tiller 1ha/hari
- Sistem kawalan air mengikut jadual
- Pertumbuhan benih yang seragam
- Perataan - mencapai tahap melebihi 90% berbanding power tiller hanya 75%
- Membantu kaedah penanaman menggunakan jentanam
- Mengurangkan masalah rumpai

Plastering Machine

- Membantu mengawal makhluk perosak
- Dapat digunakan pada musim kering dan basah
- Mampu mengawal rumpai
- Lebih kemas dan mampat
- Menjimat masa dan kos
- Mengawal paras air dalam petak sawah
- Mengatasi kebocoran air



RENCANA

Sehingga kini, Box Leveller yang direka oleh PPNJ Pulau Pinang telah berjaya dikomersialkan ke seluruh negara.

BIL	AGENSI	UNIT
1.	LPP	220
2.	MADA	20
3.	KADA	20
4.	IADA	20
5.	Jabatan Pertanian	20
6.	MARDI	15
7.	PPK di Sarawak	10
8.	Pengusaha Benih Padi	5
9.	Pengusaha Estet Padi	106
JUMLAH		436

Dalam mendepani bidang pertanian di masa akan datang, PPNJ Pulau Pinang bercita-cita meningkatkan perkhidmatan kejenteraan daripada

45 peratus kepada 60 peratus melalui beberapa strategi yang telah dirancang. Antaranya adalah menambah bilangan jentera dalam usaha memberi perkhidmatan kejenteraan kepada para petani, memperbanyakkan inovasi kejenteraan ladang, pengurusan padi melalui model estet padi, dan merancang keperluan dan sumber peruntukan untuk melaksana projek dari peringkat penyelidikan sehingga penghasilan teknologi.

Seterusnya, meningkat hasil padi daripada 6 metrik tan kepada 8 metrik tan per hektar. Cita-cita ini mampu direalisasikan sekiranya usaha PPNJ melalui pengurusan estet padi secara berpusat, korporat, dan sewaan berpusat serta pengurusan berpusat kesinambungan bersama NCIA dan Program NKEA dilaksanakan secara berterusan.

Selain itu, aktiviti mempromosi dan mengkormesialkan peralatan baru iaitu FeLeSe merupakan usaha serius PPNJ dalam mendepani bidang pertanian. Ini kerana peralatan pertanian berkenaan memberi manfaat yang menguntungkan kepada para petani dalam langkah mengurangkan kos namun memberi impak yang lumayan terhadap pengeluaran hasil pertanian. Akhirnya, PPNJ akan terus mengenalpasti permasalahan yang dihadapi oleh para petani dan seterusnya mencipta inovasi yang mendatangkan manfaat bersama.



HALA TUJU INDUSTRI CENDAWAN DI MALAYSIA

Oleh : Shahrol Nizam Bin Daud

Cendawan adalah organisma hidup yang terdiri daripada kumpulan kulat yang berjana buah (fruiting body). Sebarang usaha, proses, kaedah atau teknologi yang berkaitan organisma hidup ke arah mendapatkan produk yang bernilai tinggi atau mendatangkan kebaikan kepada pengguna adalah dianggap sebagai bioteknologi. Cendawan bukan sahaja digunakan sebagai sayuran, tetapi telah divariskan sebagai bahan makanan dan produk perubatan seperti minuman, produk kesihatan, produk penjagaan diri dan produk makanan ringan. Cendawan boleh dibahagikan kepada empat kategori iaitu;

- Cendawan yang boleh dimakan (Edible mushroom)
- Cendawan yang boleh digunakan untuk tujuan perubatan (Medical mushroom)
- Cendawan yang beracun dan tidak boleh dimakan (Poisonous mushroom)
- Cendawan yang tumbuh meliar di dalam hutan

Pasaran Tanaman Cendawan

Tanaman cendawan dilihat mempunyai potensi pasaran yang sangat baik kerana stok cendawan segar yang ada di pasaran kini masih tidak mencukupi untuk menampung keperluan tempatan. Oleh itu, pengeluaran cendawan segar daripada pengusaha tempatan perlu dipertingkatkan lagi untuk mengurangkan kadar import negara. Peranan cendawan sebagai tanaman jangka pendek dilihat bukan sahaja dapat mengurangkan kadar import negara, tetapi juga dapat memberikan pendapatan yang lumayan kepada mereka yang mengusahakannya.

Selain itu, industri tanaman cendawan juga dilihat mempunyai prospek yang cerah kerana pengeluaran cendawan dalam negara hanya 16% sahaja



Oleh itu, industri ini dilihat sebagai industri yang sangat berpotensi tinggi untuk diceburi khususnya oleh golongan belia kerana permintaan terhadap cendawan semakin meningkat di pasaran tempatan sejajar dengan pertumbuhan jumlah penduduk serta penggunaan per kapita yang semakin meningkat (anggaran 2.4 kg/orang pada tahun 2020).

Manakala bagi memenuhi keperluan sebenar cendawan dalam negara sebanyak 84 peratus lagi adalah diimport dari luar negara. Oleh itu, industri ini dilihat sebagai industri yang sangat berpotensi tinggi untuk diceburi khususnya oleh golongan belia kerana permintaan terhadap cendawan semakin meningkat di pasaran tempatan sejajar dengan pertumbuhan jumlah penduduk serta penggunaan per kapita yang semakin meningkat (anggaran 2.4 kg/orang pada tahun 2020). Cendawan telah dikenalpasti sebagai satu industri berpontensi yang menyumbang kepada pendapatan negara. Di Malaysia terdapat lebih dari sepuluh spesis cendawan yang telah dikenalpasti boleh dimakan



dan sesuai untuk di komersilkan. Menurut kajian dikendalikan oleh Food and Agriculture Organization (FAO) pada tahun 2009;

“Terdapat lebih daripada 200 genera macrofungi yang mengandungi spesies digunakan untuk orang. Dua belas spesies biasanya ditanam untuk makanan dan / atau tujuan perubatan, merentasi zon tropika dan zon sederhana.”

Manakala di Malaysia, 14 spesis cendawan telah dikenalpasti untuk dikomersialkan. Perusahaan cendawan dikategorikan kepada jenis cendawan yang diusahakan adalah mengikut paras ketinggian tanah (altitud) iaitu cendawan yang sesuai pada altitud tanah tinggi dan tanah rendah. Definisi tanah tinggi dari segi ekologi adalah kawasan yang berada pada ketinggian melebihi 300 meter dari aras laut.

Jenis - jenis cendawan yang sesuai diusahakan adalah seperti berikut :-

- Tanah Tinggi sesuai ditanam di kawasan melebihi 300 meter dari aras laut (4 spesis)



Jarum Mas
(*Flammulina velutipes*)



Bunga Kobis
(*Hericum erinaceum*)



Butang
(*Agaricus brasiliensis*)



Shiitake
(*Lentinus edodes*)

- Tanah Rendah sesuai ditanam di kawasan bawah 300 meter dari aras laut (10 spesies)



Tiram Kelabu
(*Pleurotus sajor caju*)



Tiram Putih
(*Pleurotus florida*)



Tiram Merah
(*Pleurotus flabellatus*)



Tiram Kuning
(*Pleurotus citrinopileatus*)



Abalone
(*Pleurotus cystidiosus*)



Sisik / Kukur
(*Schizophyllum commune*)



Telinga Kera
(*Auricularia spp.*)



Jerami Padi
(*Volvariella volvaceae*)



Sisik / Kukur
(*Schizophyllum commune*)



Abalone
(*Pleurotus cystidiosus*)

“Keadaan **STRESS** adalah seperti meniup belon. Belon makin ditiup **MAKIN BESAR**, makin ditiup makin besar...lama-lama boleh **PECAH**.”

Macam tu juga dengan stress. Kalau tidak diurus lama-lama boleh **'BREAKDOWN'**.

Jadi, apa yang perlu dibuat supaya belon tadi tidak pecah? Lepaskan angin dari belon **PERLAHAN-
LAHAN**.

Kalau stress **LUAHKAN, BICARALAH..** dan bicara yang terbaik adalah dengan **ALLAH SWT.”**

Buat kerja **LILLAH** kalau tidak kita akan **LELAH..**

